

Ucapan YAB Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein,  
di upacara pelancaran Persatuan Peladang Kebangsaan Malaysia di  
Maktab Pertanian Serdang pada 24hb. Mac, 1972, jam 9.00 pagi.

Saya bersyukur ke hadzrat Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan izinnya dapat bersama-sama dengan saudara-saudara pada hari ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.B. Tan Sri Haji Ghazali Jawi dan juga kepada pemimpin-pemimpin Persatuan Peladang kerana jemputan meresmikan pelancaran Persatuan Peladang Kebangsaan ini.

Sesungguhnya Persatuan Peladang Kebangsaan ini mempunyai makna yang besar kepada semua kaum tani seluruh negara dan membuktikan satu kemajuan yang betul-betul serta berakar umbi di negara kita ini. Saya berkata demikian kerana usaha-usaha menaja dan menubuhkan Persatuan-persatuan Peladang datang dari hasrat peladang-peladang sendiri, pada mula-mulanya ditubuhkan Persatuan di peringkat kawasan lebih lima tahun dahulu. Kemudian itu telah ditubuhkan pula Persatuan Peladang Peringkat Negeri dan hari ini sampailah kepada saat melancarkan Persatuan Peladang pada peringkat Kebangsaan meliputi seluruh negara.

Seperti saya pernah menyatakan beberapa lama dahulu, semasa saya memegang Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, kemajuan hendaklah wujud dan lahir dari hasrat peladang-peladang sendiri. Pelancaran Persatuan Peladang Kebangsaan ini adalah bukti bahawa semangat dan hasrat kaum peladang menjadi satu pendorong terhadap kemajuan ekonomi dan sosial bangsa kita.

Sejak beberapa lama ini, saya telah memberi perhatian penuh terhadap perjalanan Persatuan Peladang dan amat tertarik hati melihat kejayaan-kejayaan cemerlang yang telah dicapai oleh Persatuan-persatuan Peladang di semua peringkat sejak Parlimen meluluskan Akta Persatuan Peladang pada tahun 1967. Dari apa yang saya lihat, Persatuan-persatuan Peladang telah berjalan dengan memuaskan bukan saja dengan mengumpulkan harta dan menambah keuntungan, tetapi yang lebih penting ialah Persatuan Peladang bergerak sebagai satu alat untuk kemajuan pertanian sesuai dengan perkembangan pengetahuan sains dan teknologi hari ini.

Sebagaimana kita sedia maklum pertanian adalah sumber yang terbesar bagi ekonomi negara kerana disekitar inilah terdapat sebahagian besar rakyat kita terutama kaum Bumiputra. Saya telah pun beberapa kali menyatakan hasrat dan cita-cita saya hendak mengubah corak pertanian serta mengadakan perubahan bagi mempercepatkan corak pertanian serta mengadakan perubahan bagi mempercepatkan kemajuan pertanian supaya rakyat khususnya di kampung-kampung dapat menikmati taraf hidup yang moden dan maju sama dengan yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di bandar.

Pada pendapat saya, objektif penting Kerajaan hendak menyusun semula masyarakat kita tidak akan memberi makna, sekiranya usaha itu menumpukan penduduk-penduduk bandar sahaja mendapat peluang-peluang kerja yang baik dan penghidupan yang lebih mewah. Ini tidak akan merapatkan jurang perbezaan ekonomi dan sosial, tetapi sebaliknya akan meluaskan lagi jurang perbezaan yang ada sekarang ini.

Oleh kerana itu proses membandarisasikan rakyat mestilah ditumpukan di kawasan-kawasan luar bandar di mana industri-industri berasaskan pertanian dapat diadakan untuk memberi peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Usaha-usaha bandarisasi ini hendaklah dilaksanakan secepat mungkin supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dapat di capai dalam tempoh yang seberapa singkat.

Saya sangatlah tertarik hati sebentar tadi mendengar dari Menteri Pertanian dan Perikanan bahawa langkah-langkah tegas telah diambil oleh Kementerian itu dalam melaksanakan syur-syur dari Seminar Pem

bangunan Sektor Pertanian seperti yang saya arahkan tidak lama dulu. Salah satu dari langkah-langkah itu ialah mengadakan 'task force' untuk mengatur dan menyelaraskan rancangan-rancangan pertanian di kawasan luar bandar supaya hasil-hasil pengeluaran mendapat pasaran yang lebih baik. Langkah ini amatlah mustahak untuk menekankan pandangan yang luas kepada semua pihak terhadap pentingnya usaha-usaha Jabatan-jabatan dan badan-badan yang berkaitan dengan pelaksanaan rancangan kemajuan supaya lebih rapat lagi dengan rakyat melalui badan-badan seperti Persatuan Peladang ini. Begitu juga saya tertarik hati langkah-langkah yang akan diambil untuk memperdagangkan pertanian yang mana satu pameran khas diadakan serentak pagi ini. Selain dari Jabatan-jabatan Kerajaan yang bersangkutan, saya gembira melihat pihak-pihak swasta turut mengambil bahagian dalam pameran ini, yang menunjukkan kerjasama erat antara pihak Kerajaan dan swasta atas cita-cita menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Pada pendapat saya amatlah penting pada masa ini Persatuan-persatuan Peladang memasuki bidang perdagangan dan perniagaan supaya peladang-peladang kita dapat mengubah corak pertanian mereka dan juga mengubah cara hidup selaras dengan kemajuan sains dan teknologi.

Dalam hubungan ini, Persatuan-persatuan Peladang hendaklah menjalankan kegiatan-kegiatan mereka secara perniagaan atau commercial effort dengan menggalakkan penggunaan alat-alat jentera yang moden dan bahan-bahan pertanian yang lebih saintifik. Langkah-langkah hendaklah disusun untuk mencari pemasaran yang lebih luas serta menguntungkan dengan menggunakan kemudahan-kemudahan pengangkutan. Peladang-peladang menjamin pendapatan yang lebih tinggi.

Pihak Kerajaan akan membantu dalam usaha-usahamemproses bahan-bahan pertanian supaya lebih banyak industri-industri yang berasaskan pertanianditubuhkan di kawasan luar bandar. FIMA yang saya lancarkan baru-baru ini akan mempunyai tanggungjawab utama memajukan bidang ini.

Bagaimanapun, usaha-usaha memperdagangkan pertanian ini hendaklah dijalankan dengan usaha-usaha mempelbagaikan pertanian. Langkah ini amatlah mustahak supaya peladang-peladang dapat melipatgandakan lagi hasil pengeluaran mereka dengan tambahan tanaman-tanaman baru yang dapat menghasilkan berjenis-jenis pengeluaran yang boleh diproses atau diekspot. Penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI sekarang ini menunjukkan potential yang luas mempelbagaikan hasil pertanian di negara kita ini.

Seperti yang kita maklum, Kerajaan telah mewujudkan institusi-institusi baru seperti Bank Pertanian, Lembaga Padi dan Beras, PERNAS, Perbadanan Muda dan Kemubu dan lain-lain untuk menjamin tercapainya matlamat Dasar Ekonomi Baru. Semua badan-badan ini adalah penting kepada Persatuan Peladang untuk menunjuk ajar dan membantu kegiatan-kegiatan mereka serta memberi perkhidmatan-perkhidmatan perdagangan yang diperlukan oleh Persatuan Peladang dan lain-lainnya. Jabatan-jabatan Kerajaan memanglah bertanggungjawab sama dan saya percaya kemajuan yang dicapai oleh Persatuan Peladang hari ini ialah kerana sokongan dan kerjasama Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Parit dan Taliair dan FAMA.

Saya ingin juga menegaskan peranan sektor swasta yang tidak kurang pentingnya dalam usaha memperdagangkan pertanian. Syarikat-syarikat dan firma-firma yang mengeluarkan bahan-bahan mustahak untuk keperluan-keperluan ladang, seperti baja, racun kimia dan juga alat-alat jentera hendaklah memberi perhatian berat kepada kehendak-kehendak pembangunan pertanian yang moden.

Syarikat-syarikat dan kilang-kilang perlu dibina di tempat-tempat penting terutama di kawasan-kawasan pertanian supaya bahan-bahan penting lebih mudah diperolehi dan perkhidmatan-perkhidmatan after-sale didapati bila-bila masa. Pihak swasta juga perlu membeli hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani dan pekebun kecil untuk dipasarkan pada setiap masa.

Saya puas hati melihat adanya minat pihak swasta memberikan kerjasama dan sokongan terhadap

kemajuan pertanian untuk faedah dan kebajikan bersama. Hanya dengan sikap ini akan terjalin semangat perpaduan, semangat membantu satu sama lain dan semangat membina negara kita ini. Tidak syak lagi di atas landasan kerjasama iktisad inilah akan wujud perpaduan dan kemakmuran negara.

Adalah menjadi harapan saya bahawa Persatuan Peladang tidak hanya menjadi satu badan peladang tetapi hendaklah benar-benar menjadi satu alat kemajuan yang aktif di kampung-kampung luar bandar. Persatuan Peladang hendaklah bertindak sebagai daya penggerak atau catalyst dan mengambil langkah-langkah yang gagah terhadap usaha-usaha memperdagangkan pertanian serta memodenkan sikap penduduk-penduduk luar bandar selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru. Dalam usaha ini, saya berharap Persatuan Peladang dan badan-badan Kerajaan yang saya maksudkan di atas dapat berjalan dan berusaha bersaing supaya cita-cita dan hasrat rakyat dan Kerajaan tercapai sepenuhnya.

Saya suka mengumumkan hari ini bahawa Kerajaan telah bersetuju membantu Persatuan Peladang Kebangsaan mengadakan sebuah bangunan sendiri di Ibu Kota ini. Untuk tujuan ini Kerajaan akan memberi bantuan atas kadar \$1 yang dikumpulkan oleh Persatuan Peladang sendiri. Kerajaan akan mengeluarkan \$4 untuk jumlah yang tidak melebihi \$1.2 juta.

Di samping itu, Kerajaan akan juga memberi pinjaman sebanyak \$4.2 juta kepada Persatuan Peladang peringkat Kebangsaan sebagai modal pusingan untuk menjayakan rancangan-rancangan yang telah disusun dan diatur bagi seluruh negara.

Saya yakin dan percaya bahawa Persatuan Peladang akan memainkan peranan yang penting dalam kemajuan pertanian bukan saja dalam jangka masa. Rancangan Malaysia Kedua ini bahkan dalam rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang akan datang. Apa yang tercipta hari ini akan menjadi batu asas yang kukuh untuk membina dan memperkemaskan masa depan.

Adalah menjadi cabaran yang besar bagi kita semua baik pemimpin-pemimpin politik yang menentukan dasar negara dan pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakannya bahawa apa yang kita buat sekarang sangat penting untuk menjamin nasib jenerasi yang akan datang. Kita telah lama mencipta sejarah mendapatkan kemerdekaan tetapi apa yang kita buat hari ini hendaklah menjamin tempat yang sempurna dan taraf hidup yang bahagia bagi kita dan keturunan kita pada masa yang akan datang. Biarlah Persatuan Peladang ini menjadi satu harta pesaka yang akan diwarisi turun temurun sebagai alat kemajuan dan perpaduan negara kita.

Akhirnya saya sekali lagi mengulang harapan supaya Persatuan Peladang Kebangsaan ini betul-betul digunakan sebagai satu alat kemajuan dan saya percaya dengan pimpinan yang dinamis dan semangat serta keazaman saudara-saudara semua, kejayaan yang cemerlang akan dicapai pada masa hadapan. Dengan itu, saya dengan penuh gembira dan sukacita melancarkan dengan resminya Persatuan Peladang Kebangsaan ini.